

SOALAN NO: 423

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY**  
**(BACHOK)**  
**TARIKH :**  
**SOALAN : 423**

**Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary (Bachok) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan pendirian Kerajaan terhadap isu arak. Apakah bukti nyata usaha Kerajaan dalam mengawal bahaya arak dari tahun ke tahun.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan memandang berat isu bahaya arak dan kesannya terhadap rakyat Malaysia. Antara usaha yang dilakukan adalah pindaan Peraturan 361 Peraturan-peraturan Makanan 1985 di mana seseorang tidak boleh menjual apa-apa minuman beralkohol kepada mana-mana orang di bawah umur **dua puluh satu tahun**. Pindaan tersebut telah diwartakan dan akan berkuatkuasa 1 Disember 2017. Di antara pindaan-pindaan Peraturan 361 Peraturan-peraturan Makanan 1985 yang lain adalah seperti berikut:

- i. Sesuatu bungkusan yang mengandungi minuman beralkohol perlu mempunyai label:

"ARAK MENGANDUNGI \_\_\_\_% ALKOHOL. MEMINUM ARAK BOLEH MEMBAHAYAKAN KESIHATAN".

- ii. Minuman beralkohol hendaklah dipamerkan untuk jualan di kabinet atau rak pameran yang **berasingan** daripada kabinet atau rak pameran yang digunakan untuk makanan lain.
- iii. Sebatian minuman keras atau *Compounded Hard Liquor* (CHL) yang mengandungi **lebih 32.5 peratus** isipadu per isipadu alkohol hendaklah dibungkus dalam suatu botol kaca dan isipadu minimumnya hendaklah **tidak kurang daripada 700 mL**.

**Pelan Tindakan Alkohol (PeTA)** juga telah dibangunkan sehingga tahun 2020 yang mengandungi 10 bidang sasaran yang merujuk kepada *World Health Organization (WHO) Global Strategy To Reduce The Harmful Use Of Alcohol*. Antara objektif utama PeTA adalah meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya alkohol dan faedah gaya hidup sihat tanpa alkohol.

**Saringan dan intervensi alkohol serta rawatan** turut disediakan di Klinik-klinik Kesihatan di seluruh negara bagi pemminum minuman beralkohol khususnya di lokaliti-lokaliti yang dikenalpasti. Kes-kes yang bermasalah akan dirujuk terus ke pakar.

**Kempen "Sihat Tanpa Alkohol"** juga dipergiatkan di sekolah-sekolah dan institusi pendidikan tinggi (awam dan swasta) dengan kerjasama pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

**Penglibatan NGO** turut memainkan peranan penting dalam usaha-usaha menangani permasalahan alkohol di negara ini.